

**SOALAN NO. 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK MOHD IDRIS BIN  
JUSI [ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 26 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah bagi memastikan PRU14 adalah suatu pilihan raya yang bersih, melihat kepada pelbagai isu berkaitan persempadanan semula dan daftar pengundi yang banyak ditimbulkan oleh rakyat.**

65

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mewujudkan beberapa mekanisme kawalan untuk membantu urusan pendaftaran pemilih. Sebagai contoh, ketika proses pendaftaran pemilih dilaksanakan melalui Sistem Pendaftaran Pemilih Sepanjang Tahun (e-SPPST) yang diguna pakai oleh SPR, pengenalan pemohon akan dihubungkan dengan *Agency Link-Up System (ALIS)* Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Rujukan rekod pemohon dengan rekod di JPN ini adalah untuk memastikan kesahihan maklumat pada kad pengenalan yang dikemukakan oleh pemohon, seperti maklumat nombor kad pengenalan, alamat dan tahun lahir. Permohonan pendaftaran pemilih yang menggunakan apa-apa maklumat berbeza dengan maklumat JPN akan ditolak.

SPR turut sentiasa menerima pemakluman nama-nama warganegara yang telah meninggal dunia atau melucutkan/dilucutkan taraf kewarganegaraan daripada JPN. Pemakluman tersebut menjadi asas kepada pengemaskinian atau pemotongan maklumat pemilih yang berkaitan di dalam Daftar Pemilih SPR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**

**TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)**

**SOALAN : 49**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memberikan jadual terperinci bagi pelaksanaan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) seperti yang dijanjikan dalam Bajet 2018 serta diulang suara oleh pihak MAHB pada 7 Februari 2018. Bagaimanakah anggaran kos melebihi RM700 juta itu akan diselenggarakan dalam fasa-fasa yang ditetapkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang dalam proses melantik juru perunding. Dalam hubungan ini, jadual terperinci dan anggaran kos bagi pelaksanaan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) akan hanya diketahui selepas juru perunding selesai menjalankan penilaian terperinci.